

071-66432

# ISLAM HADHARI ISU & CABARAN

Nakhaie Bin Haji Ahmad

M  
297.7  
MNA



YAYASAN DAKWAH ISLAMIAH MALAYSIA



# ISLAM HADHARI: ISU DAN CABARAN

Nakhaie Haji Ahmad

M  
297  
MNA

PERPUSTAKAAN Madani	
RM <input type="checkbox"/> B <input type="checkbox"/> 3 <input type="checkbox"/> Herba <input type="checkbox"/>	
Tarikh terima:	23/11/06
Tarikh siap didaftar:	3/1/07
Tarikh siap didokumentasi:	24/9/07
Tarikh disusun atas rak:	28/9/07

01355141

YAYASAN DAKWAH ISLAMIAH MALAYSIA

Kompleks Pusat Islam

Jalan Perdana

50480 Kuala Lumpur

Tel: 03-22746077 / 22746089 / 22746090

Fax: 03-22732330

www.yadim.com.my

M  
297.2  
MNA  
04/03

HADIAH

Cetakan Pertama 2005

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada **Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM)**, Kompleks Pusat Islam, Jalan Perdana, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti dan honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Mohd. Nakhaie Haji Ahmad, Datuk

Islam Hadhari: Isu dan Cabaran / Datuk Mohd. Nakhaie Haji Ahmad

Mengandungi indeks

ISBN 983-9878-64-6

1. Islam and state – Malaysia. 2. Islam and politics – Malaysia.

3. Islamic education – Malaysia. I Judul

297

Muka Taip: Times

Saiz Taip: 10/ 21 point

Diterbitkan oleh:

**Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia**

Kompleks Pusat Islam,

Jalan Perdana,

50480 Kuala Lumpur.

Tel: 03-22746077 Fax: 03-22732330

[www.yadim.com.my](http://www.yadim.com.my)

Dicetak oleh:

**Mudah Urus Enterprise Sdn. Bhd.**

No. 143, Jalan KIP 8,

Taman Perindustrian KIP,

Bandar Sri Damansara,

52200 Kuala Lumpur.

# KANDUNGAN

Prakata	iii
<b>PEMIKIRAN ISLAM</b>	
Kembali Kepada Ajaran Islam	1
Status Ajaran Islam Dan Tafsiran	7
Gambaran Sebenar Kebangkitan Islam	12
Semangat Dan Persiapan Berjihad	16
Ijtihad Buta Cetus Perpecahan	23
Pembangunan Negara Dan Sahsiah Syariah	28
Idea Besar Yang Menguasai Dunia	35
Tanggungjawab Terhadap Kewajipan Dan Kebebasan	41
Beragama Secara <i>Tadayyun Mankus</i>	47
Pendekatan Berjihad Dalam Islam	53
Kekeliruan Mengenai Kebangkitan Islam	59
<b>POLITIK</b>	
Ancaman Politik Tidak Beretika	66
Adab Berbahasa	71
Pembohongan Yang Jelas	77
Bahaya Budaya Membenci	82
Dasar Seimbang Dan Kesejahteraan	87
Penyampaian Islam Yang Beramanah	93
Ketertiban Dalam Perjuangan	99
Konsep Negara Islam	105
Perjuangan Meraba Mencari Haluan	110
Antara Agama Dan Siasah Dunia	115
Kesederhanaan Dalam Islam	120
Akibat Penyalahgunaan Lidah	125
Antara Amalan Dan Ganjaran	131
Negara Islam: Polemik Berterusan	137

## KANDUNGAN

Budaya Membenci Dalam Politik	143
Amalan Politik Takfir	149
Menangani Perubahan Dengan Berkesan	154
<b>PENDIDIKAN</b>	
Keseimbangan Pembangunan Dan Pendidikan Agama	158
SAR : Pembangkang Terus Berdakyah	164
Usaha Selamatkan Pelajar SAR	170
Realiti Mengenai Isu SAR	176
Membersihkan Institusi Pengajian Tinggi	182
Antara SAR Dan Pemantapan Akidah Islam	186
INDEKS	192

# PRAKATA

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnia-Nya buku ini dapat dihasilkan. Sesungguhnya penghasilan buku ini adalah sumbangan yang tidak seberapa daripada saya untuk umat Islam di negara ini dalam mendapatkan perspektif atau pandangan mengenai pelbagai isu.

Buku ini memuatkan pelbagai isu umat Islam yang berlaku dan melibatkan pelbagai perkara termasuk sosial, politik dan pendidikan. Sememangnya banyak peristiwa yang berkaitan dengan umat Islam berlaku di negara ini, dan semuanya memerlukan pemahaman yang jelas. Umat Islam tidak boleh terus dibiarkan meraba-raba mencari jawapan sendiri mengenai semua persoalan.

Sekiranya pelbagai isu berkenaan tidak ditangani dan dijelaskan maka kesan yang buruk bakal melanda umat Islam. Bahaya yang paling dikhuatiri boleh berlaku sekiranya umat Islam tidak mendapat penjelasan dan penerangan mengenai sesuatu isu itu adalah perpecahan sesama mereka, benci-membenci yang secara tidak langsung menyebabkan mereka menjadi lemah.

Tidak dinafikan bahawa, umat Islam dewasa ini menghadapi pelbagai dugaan dan cabaran dan ini datangnya daripada pelbagai sumber. Cabaran itu termasuk daripada pihak tertentu yang memusuhi orang Islam dan mahu melihat masyarakat berkenaan terus lemah dan tertindas.

Namun demikian dalam pada itu, umat Islam juga terpaksa menghadapi 'cabaran' daripada umat Islam sendiri. Ini berpunca timbulnya pelbagai pandangan yang menyebabkan perasaan benci mula bercambah dan menyemarakkan perpecahan antara mereka.

Sebagai manusia, adalah tidak dapat dinafikan bahawa setiap daripada kita mempunyai pandangan yang berbeza

dan masing-masing mempunyai hak untuk menyatakan pandangan sendiri. Namun, adalah sesuatu yang malang sekiranya terdapat sesetengah pihak sering menyatakan pandangan yang boleh mendorong kepada perpecahan umat.

Sewajarnya, bagi setiap individu Muslim itu mempunyai iltizam untuk mengeluarkan pandangan yang dapat memacu kepada perpaduan umat dan bukan memecah-belahkan mereka. Justeru, umat Islam sewajarnya menjadikan ajaran Islam sebenar sebagai pegangan mereka.

Dengan sebab itu, buku ini mengajak pembaca melihat pelbagai isu yang berlaku di negara ini dalam perspektif yang lebih luas. Penghasilan buku ini adalah sejajar dengan usaha yang dilakukan kerajaan untuk mewujudkan masyarakat Islam Hadhari yang sentiasa berfikir.

Sesungguhnya, saya berharap umat Islam di negara ini sentiasa mempunyai fikiran yang terbuka dan bebas serta sentiasa berusaha memahami sesuatu perkara itu. Masyarakat Islam tidak boleh terus jumud dan berfikiran tertutup.

Pada kesempatan ini, saya juga ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terbabit dalam penghasilan buku ini atas dorongan dan sokongan yang amat berharga.

Akhirnya, saya berharap para pembaca yang budiman dapat menikmati buku ini dengan sebaiknya dan yang lebih penting mendapat manfaat daripadanya.

**Datuk Haji Mohd. Nakhaie Haji Ahmad**  
Yang Dipertua  
Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia

## KEMBALI KEPADA AJARAN ISLAM

Islam diturunkan untuk kesejahteraan dan rahmat manusia sejagat dan bukan satu doktrin keganasan. Agama ini adalah ajaran yang membawa kebaikan dan bukan menganjurkan kerosakan. Al-Quran dengan jelas menyatakan:

وَلَا تَفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ بَعْدَ إِصْلَاحِهَا وَادْعُوهُ خَوْفًا وَطَمَعًا إِنَّ رَحْمَتَ  
اللَّهِ قَرِيبٌ مِّنَ الْمُحْسِنِينَ ﴿٥٦﴾

“Jangan membuat kerosakan, setelah ia dibangunkan dengan kebaikan, sesungguhnya rahmat Allah amat dekat kepada orang-orang yang berbuat kebaikan.”

(Al-A'raaf:56)

وَأَحْسِنْ كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ وَلَا تَبْغِ الْفُسَادَ فِي  
الْأَرْضِ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ ﴿٧٧﴾

“Berbuat baiklah seperti Allah s.w.t. berbuat baik kepada kamu dan jangan menginginkan sesuatu kerosakan, sesungguhnya Allah tidak suka orang-orang yang melakukan kerosakan.”

(Al-Qasas:77)

Risalah suci ini, bagaimanapun, perlu mendapat dukungan manusia. Kebaikannya tidak tertegak dengan sendirinya. Ia memerlukan perjuangan manusia, usaha dan kegigihan mereka untuk menterjemahkan ajarannya dalam realiti kehidupan. Inilah sunah yang ditentukan oleh Allah s.w.t. untuk agamanya.

Kebaikan Islam tidak tersemat di dalam diri individu itu melainkan dengan jihad dan kesungguhan individu itu sendiri untuk menghayatinya. Dengan adanya kesungguhan itu, kebaikan Islam diterjemahkan dalam dirinya dan dijemakan dalam perkataan dan perbuatannya serta bersinar di dalam hati dan fikirannya.

Kebaikan Islam tidak tertegak di dalam masyarakat itu dengan sendirinya melainkan setelah masyarakat itu membudayakan ajaran Islam dan mengambilnya sebagai cara hidup. Apabila budaya yang berasaskan ajaran Islam itu dikembangkan sebagai tamadun oleh sesuatu bangsa, tamadun itu benar-benar membawa rahmat kepada manusia.

Keindahan Islam itu menyerlah dalam jangka waktu yang singkat. Justeru, ia dihayati secara sempurna hanya pada zaman Nabi Muhammad s.a.w. dan zaman Khulafa Al-Rasyidin. Zaman-zaman selepas itu, memperlihatkan tamadun Islam yang dicemari dengan tingkah laku masyarakat yang mula menyimpang daripada ajaran-ajaran Islam. Walaupun penyimpangan itu hanya sebahagian sahaja, ia memberi kesan kepada kehidupan dan kesejahteraan manusia.

Bagaimanapun, penyimpangan itu masih mengekalkan penguasaan tamadun Islam, sehinggalah kebangkitan dunia Barat dan dunia Islam dikalahkan oleh kuasa-kuasa Barat yang menjadi inspirasi kepada kebangkitan mereka. Dominasi tamadun Barat begitu menyerlah sekarang ini. Dunia Islam masih menderita akibat kekalahan itu.

Islam tidak berubah dan tetap menjadi risalah untuk kesejahteraan manusia. Sumbangan Islam kepada tamadun manusia tetap agung dan Barat turut terhutang budi kepada Islam buat selama-lamanya.

Tamadun Barat dengan segala kebaikan dan keburukan harus memperakui bahawa sebahagian daripada asas pembentukannya adalah daripada tamadun Islam.